

Tarikh Dibaca: 30 MAC 2018M / 12 REJAB 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR
TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

*Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)
**Timbalan Pengarah (Operasi),
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)
**Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. **Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ
وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُفْلِحُونَ¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ وَلَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءالِهٖ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ
وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهٰ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ. وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, iaitu mengerjakan seluruh perintah Allah SWT dengan bersungguh-sungguh dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

¹ Ali Imran : 104



Dikesempatan ini, khatib ingin mengajak hadirin sekalian menghayati khutbah yang bertajuk "**AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA**".

Hadirin sekalian,

Sebagai umat Islam kita wajib tololong menolong dan bersatu dalam melakukan kebaikan, serta sentiasa menghindar segala perbuatan mungkar dan maksiat. Sesungguhnya segala kerosakan dan bencana yang berlaku di dunia ini adalah disebabkan kejahatan yang dilakukan oleh manusia itu sendiri. Firman Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ
لِيُذْكِرُهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ



"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)".

Jelaslah bahawa bala bencana yang tidak putus-putus berlaku di sana sini adalah disebabkan perbuatan-perbuatan maksiat yang dilakukan oleh umat manusia sendiri. Mereka ditimpakan dengan demikian supaya mereka segera insaf dan menjauhi segala perbuatan yang durjana, jika tidak maka balasannya lebih buruk lagi.

Maka oleh sebab itulah kerja amar makruf nahi mungkar ini merupakan tanggungjawab setiap orang yang beriman, agar keburukan, kerosakan dan pelbagai bencana dapat dielakkan.

Hadirin yang berbahagia sekalian,



Sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab hendaklah mentarbiah ahli keluarga di rumah, kerana mereka adalah pewaris dan pemimpin Negara pada masa akan datang. Ibu bapa hendaklah menyuruh anak-anaknya melaksanakan solat, dan sentiasa memstikan mereka berpakaian dengan menutup aurat. Ibu bapa yang prihatin juga berhak mencegah segala kemungkaran dan maksiat yang berlaku dalam keluarga seperti pendedahan aurat dalam media dan lain-lain lagi. Allah SWT telah menjelaskan perkara ini melalui firman-Nya dalam surah al-Tahrim ayat 6:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوْا أَنفُسَكُمْ وَآهْلِيْكُمْ نَارًا ...

“Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka...”.

Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Dalam meningkatkan kualiti hidup bermasyarakat, kerja-kerja amar makruf nahi mungkar perlulah sentiasa dijalankan oleh setiap warga masyarakat secara bersungguh-sungguh seperti sentiasa mengeratkan hubungan persaudaraan dan kejiranan, bekerjasama dalam memakmurkan masjid, melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan disamping menjauhi perbuatan fitnah, bersangka buruk dan unsur-unsur perpecahan. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 104 yang bermaksud:

“Dan hendaklah ada antara kamu satu kumpulan yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”.

Rasulullah SAW juga memberi ingatan kepada sesiapa yang melihat kemungkaran supaya bertindak mencegahnya sebagaimana dijelaskan



dalam sebuah hadis daripada Abu Said al-Khudri Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ
يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ
أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

“Sesiapa yang melihat kemungkaran maka ubahlah dengan tangannya (kuasanya), jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya (nasihat), jika tidak mampu maka ubahlah (tolaklah) dengan hatinya dan hal tersebut adalah selemah-lemah iman”.

(Riwayat Muslim).

Hadirin sekalian,

Sesungguhnya mengabaikan kerja amar makruf nahi mungkar akan mengundang laknat Allah SWT. Ini telah berlaku kepada kalangan Kaum Yahudi Bani Israel yang telah dilaknat oleh Allah SWT disebabkan sikap mereka yang membiarkan perbuatan mungkar berleluasa sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 79:

كَانُوا لَا يَتَنَاهُونَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوْهُ لَبِسْكَ مَا
كَانُوا يَفْعَلُونَ



Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan”.

Sesungguhnya apabila berleluasanya gejala maksiat dan kemungkaran itu dilakukan tanpa ada sesiapa yang melarangnya maka akan datanglah berbagai-bagai kerosakan, kemusnahan dan bencana



ditimpakan oleh Allah kepada manusia hinggakan doa yang dipohon juga tidak dimakbulkan oleh Allah SWT. Sebagaimana dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Huzaifah bin al-Yaman berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَتَأْمُرُنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلَتَنْهَوْنَّ
عَنِ الْمُنْكَرِ أَوْ لَيُوْشِكَنَّ اللَّهُ أَنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ
عِقَابًا مِنْهُ ثُمَّ تَدْعُونَهُ فَلَا يُسْتَجَابُ لَكُمْ

"Demi Allah yang jiwaku di tangan-Nya, lakukanlah seruan kepada yang makruf dan cegahlah dari kemungkaran atau hampir pasti Allah akan menurunkan seksa padamu, kemudian kamu berdoa tetapi doa kamu tidak dapat diterima lagi".

(Riwayat al-Tirmizi).

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Oleh itu, marilah sama-sama kita memperkasakan budaya kerja amar makruf nahi mungkar dalam masyarakat kita. Hadis daripada Abu Dzar Jundub bin junadah Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَوَلَيْسَ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ مَا تَصَدَّقُونَ بِهِ: إِنَّ
بِكُلِّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةً، وَكُلِّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةً، وَكُلِّ
تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةً، وَكُلِّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةً، وَأَمْرٌ
بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةً، وَنَهْيٌ عَنْ مُنْكَرٍ صَدَقَةً



"Bukankah Allah telah menjadikan bagi kamu sesuatu untuk bersedekah? Sesungguhnya tiap-tiap tasbih adalah sedekah, tiap-tiap takbir adalah sedekah, tiap-tiap tahmid adalah sedekah, tiap-tiap tahlil adalah sedekah, menyuruh kepada kebaikan adalah sedekah, mencegah kemungkaran adalah sedekah".

(Riwayat Muslim).

Muslimin sekalian,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita sama-sama menelusuri beberapa pesanan untuk di ambil tindakan yang sewajarnya:

1. Umat Islam wajiblah meyakini bahawa kerja-kerja amar makruf dan nahi mungkar adalah perintah Allah untuk kebahagiaan hidup kita semua.
2. Umat Islam diwajibkan menjalankan kerja-kerja amar makruf, kerana pengabaiannya boleh mengundang bencana dan laknat Allah SWT.
3. Setiap ibu bapa wajib membimbing anak-anak dan keluarga dengan bimbingan yang sempurna dan lengkap dengan ilmu-ilmu memperkuatkan akidah, ibadah, dan akhlak.
4. Umat Islam hendaklah berlapang dada apabila menerima teguran demi untuk kebaikan umat Islam.

أَعُوذ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ
يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ



الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكُوَةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أَوْلَئِكَ
سَيِّرْ حَمْهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

VI

"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(al-Taubah : 71).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُمْ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ وَ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Harundin / Nurul
27.03.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ وَلَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِيهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِمُوا تَسْلِيْمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
أَعِزَّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْلَمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ وِقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَائِيةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ



الدِّين ادريس شاه الحاج، فِي أَمْن وَصَلَاح وَعَافِيَةٍ
بِمَنِّكَ وَكَرَمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحْهُمَا لِلنُّوَظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga negeri ini menjadi negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan kepimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

